INTERNATIONAL JOURNAL OF LANGUAGE EDUCATION AND APPLIED LINGUISTICS
ISSN: 2289-7208 E-ISSN: 2289-9294
VOLUME 16, ISSUE 3, 2026, pp. 241 – 255
DOI: https://doi.org/10.15282/ijleal.v16i3.13305

RESEARCH ARTICLE

Meneroka penggunaan spesifikasi sebagai prosedur terjemahan untuk mengurangkan diskaun budaya

Exploring the use of specification as a translation procedure to mitigate cultural discount

Ong Sue Yang*, Chow Yean Fun, dan Haslina Haroon

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

Abstrak – Filem dapat memperkenalkan budaya sesebuah negara kepada penonton antarabangsa. Akan tetapi, diskaun budaya akan berlaku jika elemen budaya yang dipersembahkan dalam filem sukar difahami akibat kekurangan pengetahuan latar belakang atau batasan bahasa. Kajian lepas menunjukkan penerapan prosedur terjemahan spesifikasi dapat membentuk representasi budaya dan mengurangkan diskaun budaya. Namun begitu, potensinya untuk mengurangkan diskaun budaya dalam filem Malaysia masih belum diteliti, khususnya bagi tujuan pengantarabangsaan filem tempatan. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti cara spesifikasi digunakan untuk menterjemahkan rujukan khusus budaya Malaysia dengan menganalisis tiga filem bahasa Melayu dan tiga filem bahasa Cina Malaysia. Untuk mencapai tujuan kajian, analisis kandungan kualitatif dijalankan dengan memanfaatkan konsep rujukan budaya sumber oleh Ranzato (2016) untuk mengenal pasti rujukan budaya yang eksklusif dalam konteks Malaysia. Taksonomi prosedur terjemahan Pedersen (2011) dimanfaatkan untuk meneliti prosedur terjemahan rujukan budaya sumber yang digunakan, terutamanya spesifikasi. Hasil analisis menunjukkan bahawa spesifikasi pelengkapan dan penambahan digunakan dalam penterjemahan rujukan budaya sumber dalam keenam-enam filem tersebut. Spesifikasi pelengkapan digunakan melalui pelengkapan singkatan, gelaran, dan nama rasmi organisasi, serta pelengkapan singkatan yang ungkapan penuhnya diterjemahkan kepada bahasa sasaran. Penggunaan spesifikasi penambahan pula melibatkan penjenisan, penghuraian dan penambahan maksud sebenar rujukan budaya sumber, serta eksplisitasi makna tersirat rujukan budaya sumber. Tuntasnya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan prosedur terjemahan spesifikasi dalam penterjemahan rujukan budaya sumber boleh mengurangkan diskaun budaya jika maklumat atau penerangan yang disertakan dalam teks sasaran dapat memudahkan pemahaman penonton sasaran.

Article History
Received: 19 October 2025
Revised: 3 July 2026
Accepted: 3 August 2026
Published: 30 September 2026

Kata Kunci
Diskaun budaya
Filem Malaysia
Pengantarabangsaan filem
Rujukan budaya
Spesifikasi
Terjemahan sari kata

Abstract *– Films can introduce a country's culture to international audiences. However, cultural discount may occur when the cultural elements presented in a film are difficult to understand due to a lack of background knowledge or language barriers. Previous studies have shown that the use of specification is able to shape cultural representation and reduce cultural discount. Nevertheless, its potential to reduce cultural discount in Malaysian films has not yet been explored, particularly in the context of the internationalisation of local films. Accordingly, this study aims to examine how specification is used to translate references specific to Malaysian culture by analysing three Malay and three Malaysian Chinese films. To achieve this, a qualitative content analysis was conducted by applying Ranzato's (2016) concept of source culture reference to identify references exclusive to Malaysian culture. Pedersen's (2011) taxonomy of translation procedures was utilised to examine translation procedures applied in translating source culture references, with particular focus on specification. The analysis revealed that both completion and addition (specification) were used in the translation of source culture references in all six films. Completion was employed through completing abbreviations, forms of address, and official names of organisations, as well as through completing abbreviations in which their full expressions will be translated to target language. The use of addition involved the categorisation and elaboration of source culture references, the addition of the source culture reference's actual meaning, and the explicitation of the implied meaning of the source culture reference. In conclusion, this study demonstrates that the use of specification as a translation procedure in translating source culture references can reduce cultural discount if the added information or explanation in the target text facilitates the target audience's understanding.*

Keywords
Cultural discount
Cultural reference
Film internationalisation
Malaysian film
Specification
Subtitle translation

1. Pengenalan

Filem merupakan satu medium komunikasi yang penting dalam pertukaran budaya serta pembentukan dan penyebaran identiti budaya sesebuah negara di peringkat antarabangsa. Dalam hal ini, filem turut dianggap sebagai salah satu medium

***CORRESPONDING AUTHOR | Ong Sue Yang** | ongsueyang@gmail.com
© The Author(s) 2026. Published by Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Publishing. This is an open-access article under the CC BY-NC 4.0 International license

diplomasi budaya yang berpengaruh (Lee, 2022). Seiring dengan keupayaan tersebut, filem Malaysia bukan sekadar medium hiburan, malah berperanan sebagai alat penyebaran budaya dan diplomasi budaya untuk menunjukkan identiti dan keunikan budaya Malaysia. Lantaran itu, usaha pengantarabangsaan filem Malaysia yang melibatkan pengedaran filem Malaysia ke pasaran antarabangsa perlu diberikan tumpuan untuk memperluas pengaruh budaya Malaysia, menggalakkan pertukaran budaya dan mengembangkan industri perfileman Malaysia.

Akan tetapi, proses ini akan mengalami satu cabaran dari segi budaya, iaitu diskaun budaya (*cultural discount*). Diskaun budaya merujuk pengurangan daya tarikan sesuatu produk media apabila diedarkan ke pasaran lain yang berlainan konteks sosiobudaya (Hoskins & Mirus, 1988) kerana penonton di pasaran lain mungkin kekurangan pengetahuan latar belakang, kecekapan bahasa dan bentuk modal budaya lain untuk memahami dan menghayati produk media berkenaan sepenuhnya (Lee, 2008). Oleh itu, untuk memacu pengantarabangsaan filem Malaysia, batasan bahasa dan budaya yang wujud harus ditangani demi mengurangkan diskaun budaya.

Untuk mengatasi batasan budaya yang wujud, representasi budaya (*cultural representation*) merupakan aspek yang perlu ditekankan supaya elemen budaya yang dipersembahkan adalah jelas, tepat dan mudah difahami oleh penonton sasaran. Hal ini demikian kerana ketidakjelasan dan ketaksaan dalam representasi budaya boleh meluaskan jurang antara dua budaya (Mudawe, 2024). Salah satu pendekatan untuk membina representasi budaya adalah melalui terjemahan kerana terjemahan mempunyai keupayaan dalam membentuk representasi budaya asing (Venuti, 1998). Dalam pembentukan representasi budaya, tumpuan harus diberikan terhadap terjemahan rujukan budaya yang wujud kerana terjemahan rujukan budaya boleh menyebabkan diskaun budaya (Li, 2025; Yi, 2024). Sekiranya penonton sasaran mengalami kesukaran untuk memahami rujukan budaya yang tidak wujud dalam budaya mereka, pemahaman mereka tentang kandungan filem akan terjejas dan mengakibatkan daya tarikan filem berkenaan berkurangan. Hal ini demikian kerana budaya dan bahasa merupakan platform bagi penonton untuk memahami filem (Fu, 2012).

Nedergaard-Larsen (1993) dan Díaz Cintas dan Remael (2007) telah mengemukakan taksonomi atau klasifikasi prosedur terjemahan yang berbeza untuk menangani cabaran menterjemahkan rujukan budaya dalam teks audiovisual. Selain itu, Pedersen (2005; 2011) juga telah menggagaskan satu taksonomi prosedur terjemahan rujukan budaya. Beliau membahagikan prosedur terjemahan kepada dua kategori utama, iaitu prosedur terjemahan yang berorientasikan budaya sumber dan prosedur terjemahan yang berorientasikan budaya sasaran (Pedersen, 2011). Salah satu prosedur terjemahan yang berorientasikan budaya sumber ialah spesifikasi yang melibatkan pengekalan rujukan budaya dalam teks sasaran dan penambahan maklumat yang tidak wujud dalam teks sumber bagi menjadikan rujukan budaya sumber lebih spesifik dalam teks sasaran (Pedersen, 2011). Prosedur ini penting untuk mengekalkan keutuhan budaya teks sumber, dan pada masa yang sama memudahkan pemahaman penonton sasaran terhadap rujukan budaya yang wujud (Fărcașiu, 2024). Chen (2021) turut menyatakan bahawa prosedur ini berguna apabila rujukan budaya perlu dikekalkan dalam teks sasaran dan penjelasan tambahan perlu diberikan. Oleh itu, prosedur spesifikasi sesuai digunakan untuk membentuk representasi budaya dan boleh mengurangkan diskaun budaya walaupun prosedur ini melibatkan pengekalan rujukan budaya dalam teks sasaran. Hal ini demikian kerana maklumat atau penjelasan berkenaan dengan rujukan budaya boleh ditambah menerusi penggunaan prosedur ini untuk memudahkan pemahaman penonton sasaran.

Namun begitu, penggunaan prosedur terjemahan spesifikasi untuk membentuk representasi budaya dan mengatasi cabaran diskaun budaya demi penyebaran filem Malaysia di peringkat antarabangsa tidak diberikan perhatian yang mencukupi. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti cara prosedur terjemahan spesifikasi digunakan untuk menterjemahkan rujukan budaya dalam filem Malaysia yang meraih pengiktirafan antarabangsa untuk menentukan kesesuaian prosedur ini sebagai salah satu cara untuk mengurangkan diskaun budaya. Berdasarkan objektif yang dinyatakan, berikut merupakan persoalan kajian ini:

1. Bagaimanakah prosedur terjemahan spesifikasi digunakan untuk menterjemahkan rujukan budaya sumber dalam filem Malaysia?
2. Adakah prosedur terjemahan spesifikasi sesuai digunakan untuk mengurangkan diskaun budaya dan memacu pengantarabangsaan filem Malaysia?

1.1 Diskaun Budaya

Menurut Hoskins dan Mirus (1988), diskaun budaya merujuk kepada fenomena daya tarikan sesuatu produk media berkurangan apabila diedarkan ke pasaran lain kerana penonton di pasaran lain mengalami kesukaran untuk memahami gaya, nilai, kepercayaan, institusi dan corak tingkah laku yang dipersembahkan dalam produk media berkenaan. Lee (2008) turut menambah bahawa perbezaan dari segi nilai budaya dan norma sosial juga boleh menyebabkan pengurangan daya tarikan produk media asing. Dalam bidang komunikasi dan media, fenomena diskaun budaya diterokai melalui pelbagai kaedah, termasuk penelitian terhadap data kutipan filem (Lee, 2006; Lee 2008; Si & Zhang, 2023), analisis kandungan produk media (Yi, 2024) serta pelaksanaan kajian kualitatif yang melibatkan penonton (Gao et al., 2025). Berdasarkan perbincangan kajian Li (2025), antara faktor utama diskaun budaya ialah bahasa dan latar belakang budaya. Oleh itu, terjemahan yang mampu mengatasi batasan budaya dan bahasa memainkan peranan penting dalam mengurangkan diskaun budaya.

Walau bagaimanapun, terjemahan yang tidak berkualiti boleh menyebabkan diskaun budaya (Li, 2025). Kajian Yi (2024) dan Li (2025) menunjukkan bahawa penggunaan prosedur terjemahan yang tidak sesuai untuk penterjemahan rujukan budaya boleh mengakibatkan diskaun budaya. Yi (2024) mendapati bahawa terjemahan elemen budaya seperti nama istana, sajak, dan sebagainya dalam drama China "*The Legend of Zhen Huan*" telah mengurangkan makna asal

elemen budaya dan nuansa budaya drama tersebut. Li (2025) juga menyatakan bahawa terjemahan literal rujukan budaya berkaitan dengan gelaran watak yang gagal menunjukkan kedudukan mereka dalam drama tersebut boleh menyukarkan kefahaman penonton. Berdasarkan kajian-kajian tersebut, boleh dikatakan bahawa terjemahan rujukan budaya merupakan salah satu punca terjadinya diskaun budaya. Pemilihan prosedur terjemahan yang sesuai untuk menterjemahkan rujukan budaya yang dipersembahkan adalah penting untuk memastikan terjemahan tepat dan seterusnya mengurangkan diskaun budaya. Walaupun kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa terjemahan rujukan budaya yang dihasilkan dengan prosedur terjemahan yang tidak sesuai boleh mengakibatkan diskaun budaya, kajian-kajian tersebut tidak membincangkan secara terperinci tentang prosedur terjemahan yang sesuai digunakan untuk mengurangkan diskaun budaya. Sehubungan itu, kajian ini mengisi lompang ini dengan meneroka prosedur terjemahan spesifikasi sebagai salah satu prosedur terjemahan yang boleh digunakan untuk mengurangkan diskaun budaya.

1.2 Rujukan Budaya

Rujukan budaya merupakan salah satu elemen yang mencabar dalam penterjemahan, seperti yang dinyatakan oleh ramai sarjana (cth. Asakura, 2019; Chen, 2021; Ramière, 2010). Hal ini demikian kerana rujukan budaya berkait rapat dengan bahasa dan budaya asalnya (Chen, 2021). Oleh itu, penonton dari konteks sosiobudaya sasaran yang kekurangan pengetahuan budaya sumber akan mengalami kesukaran untuk memahami mesej filem yang mengandungi rujukan budaya sumber dan mengakibatkan diskaun budaya.

Dalam kajian terjemahan, pelbagai istilah digunakan oleh sarjana-sarjana untuk merujuk kepada konsep rujukan budaya. Sebagai contohnya, Aixelá (1996) menggunakan istilah "*culture-specific items*" (item khusus budaya), Pedersen (2011) menggunakan "*extralinguistic cultural references*" (rujukan budaya ekstralinguistik), dan sebagainya. Selain itu, untuk menangani cabaran penterjemahan rujukan budaya, ramai sarjana bidang terjemahan telah memperkenalkan klasifikasi rujukan budaya dan taksonomi prosedur terjemahan yang berbeza. Berbeza daripada klasifikasi rujukan budaya berasaskan pembahagian leksikal seperti klasifikasi Newmark (1988) dan Díaz Cintas dan Remael (2007), Ranzato (2016) mengutarakan satu taksonomi rujukan budaya bersifat konseptual dan berasaskan hubungan antara budaya. Menurut klasifikasi ini, rujukan budaya dikategorikan kepada rujukan dunia fana (*real-world references*) dan rujukan intertekstual (*intertextual references*) (Ranzato, 2016, hlm. 64). Rujukan dunia fana meliputi rujukan budaya sumber, rujukan antara budaya, rujukan budaya ketiga dan rujukan budaya sasaran. Menurut Ranzato (2016), rujukan budaya sumber merujuk kepada sesuatu yang eksklusif kepada budaya sumber. Walaupun rujukan tersebut mungkin dikenali dalam budaya sasaran, rujukan tersebut tiada hubungan yang langsung, boleh dibuktikan dan objektif dengan budaya sasaran. Dalam konteks kajian ini, konsep rujukan budaya sumber digunakan untuk mengenal pasti rujukan khusus budaya Malaysia dalam filem Malaysia yang dikaji dan perbincangan akan memfokuskan rujukan budaya sumber yang diterjemahkan dengan menggunakan prosedur terjemahan spesifikasi. Konsep ini dianggap sesuai berbanding dengan klasifikasi lain dalam konteks kajian ini kerana klasifikasi ini mengambil kira perspektif penonton dalam budaya sasaran (Ranzato, 2016) dan pemahaman penonton sasaran terhadap budaya sumber merupakan salah satu faktor diskaun budaya.

1.3 Prosedur Terjemahan Spesifikasi

Prosedur terjemahan spesifikasi merupakan salah satu prosedur terjemahan daripada tujuh prosedur terjemahan yang diperkenalkan oleh Pedersen (2011). Berdasarkan taksonomi ini, prosedur terjemahan yang berorientasikan budaya sumber merangkumi pengekalan, terjemahan langsung dan spesifikasi, manakala prosedur terjemahan yang berorientasikan budaya sasaran merangkumi generalisasi, penggantian dan pengguguran. Padanan rasmi pula tidak dikategorikan kerana prosedur terjemahan ini lebih kepada padanan yang mempunyai status yang istimewa.

Menurut Pedersen (2011), spesifikasi bermaksud mengekalkan rujukan budaya dalam teks sasaran dan menambahkan maklumat yang tidak wujud dalam teks sumber untuk menjadikan rujukan budaya dalam teks sasaran lebih spesifik daripada rujukan budaya dalam teks sumber. Spesifikasi boleh dilakukan melalui dua cara, iaitu melalui pelengkapan (*completion*) atau penambahan (*addition*). Pelengkapan melibatkan penambahan maklumat yang merupakan sebahagian daripada aspek ekspresi rujukan budaya yang implisit dalam teks sumber, seperti mengeja akronim atau singkatan, menambah nama pertama seseorang, atau melengkapkan nama rasmi. Dalam versi taksonomi awal Pedersen (2005), istilah yang digunakan untuk merujuk pelengkapan ialah "*Explicitation*". Penambahan pula melibatkan penambahan maklumat yang merupakan sebahagian daripada aspek makna atau konotasi rujukan budaya yang implisit dalam teks sumber. Dengan menggunakan cara ini, penterjemah melakukan intervensi dengan tujuan membimbing penonton dalam budaya sasaran untuk memahami budaya sumber (Pedersen, 2011).

Dalam taksonomi terkini, Pedersen menggunakan Spesifikasi dan bukannya Eksplisitasi untuk jenis prosedur penambahan maklumat kerana beliau ingin mengelakkan penggunaan istilah "Eksplisitasi" sebagai satu label untuk satu prosedur yang spesifik (Pedersen, 2011). Menurut Pedersen (2011), ramai sarjana menggunakan istilah "Eksplisitasi" secara umum untuk merujuk kepada semua kategori yang melibatkan intervensi dan penjelasan terhadap item dalam teks sumber. Dengan menggunakan istilah tersebut, dalam sesetengah keadaan, prosedur seperti Generalisasi juga boleh dikira sebagai Eksplisitasi (Pedersen, 2011). Oleh itu, Pedersen (2011) menamakan prosedur terjemahan ini "Spesifikasi" bagi menunjukkan perbezaan dengan prosedur terjemahan Generalisasi. Secara keseluruhannya, tujuan penggunaan prosedur terjemahan spesifikasi adalah untuk memberikan maklumat tambahan kepada penonton sasaran dan maklumat tersebut sering kali penting untuk pemahaman penonton sasaran (Pedersen, 2011).

Taksonomi prosedur terjemahan Pedersen (2011) dianggap sebagai salah satu kerangka prosedur terjemahan yang paling komprehensif untuk penterjemahan rujukan budaya (lihat Asakura, 2019; Vrancken & Delesalle, 2023) dan sering dimanfaatkan dalam analisis terjemahan rujukan budaya (cth. Božović, 2021, Chen et al., 2023; Omer & Aminzadeh, 2023; Vrancken & Delesalle, 2023; Zhang & Amirdabbaghian, 2025). Božović (2021) yang menjalankan kajian strategi terjemahan elemen budaya ekstralinguistik (*extralinguistic elements of culture*) dalam tiga siri TV bahasa Inggeris ke dalam bahasa Montenegro mendapati bahawa spesifikasi merupakan prosedur terjemahan yang paling jarang digunakan dengan kekerapan penggunaan 4.5% secara keseluruhannya. Menurut Božović (2021), spesifikasi kerap digunakan untuk penterjemahan singkatan, akronim, nama institusi, persatuan, agensi dan sebagainya. Omer dan Aminzadeh (2023) yang meneliti strategi terjemahan rujukan budaya dalam sari kata bahasa Kurdistan filem Amerika "*Scent of a Woman*" mendapati bahawa spesifikasi (pelengkapan) merupakan prosedur terjemahan yang ketiga paling jarang digunakan dengan hanya terdapat empat contoh penggunaan prosedur spesifikasi pelengkapan (8%). Di samping itu, Zhang dan Amirdabbaghian (2025) yang dapat mengenal pasti 122 item khusus budaya dalam drama bahasa Cina "*Romance on the Farm*" mendapati bahawa hanya satu item khusus budaya berkenaan makanan dan minuman diterjemahkan dengan menggunakan spesifikasi ke dalam bahasa Inggeris. Berdasarkan dapatan kajian El-Farahaty dan Alwazna (2024) yang dijalankan berdasarkan versi taksonomi Pedersen (2005), spesifikasi eksplisitasi digunakan tiga kali untuk penterjemahan rujukan budaya dalam filem bahasa Arab "*Bittersweet*" ke dalam bahasa Inggeris (4.2%). Namun begitu, untuk penterjemahan rujukan budaya dalam filem bahasa Inggeris "*Holidate*" ke dalam bahasa Arab, kekerapan penggunaan spesifikasi eksplisitasi lebih tinggi, iaitu 15.8%. Berdasarkan dapatan kajian-kajian yang dibincangkan, prosedur terjemahan spesifikasi jarang digunakan. Hal ini boleh dikaitkan dengan kekangan ruang untuk menyediakan maklumat tambahan seperti yang dijelaskan oleh Božović (2021).

Akan tetapi, Fărcașiu (2024) yang mengkaji strategi terjemahan rujukan khusus budaya ekstralinguistik (*extralinguistic culture-bound references*) dalam drama bahasa Inggeris "*Southland*" kepada bahasa Romania berdasarkan versi taksonomi Pedersen (2005) mendapati bahawa spesifikasi merupakan prosedur terjemahan yang banyak digunakan (67.8%). Beliau menyatakan bahawa prosedur terjemahan spesifikasi digunakan oleh penterjemah sari kata untuk menjadikan maklumat implisit dalam teks sumber eksplisit bagi memudahkan pemahaman penonton sasaran tentang konteks dan jalan cerita, terutamanya bagi menjelaskan singkatan atau rujukan budaya yang tidak dikenali oleh penonton Romania. Selain itu, Abdelaal (2024) yang meneliti penterjemahan istilah budaya (*cultural terms*) dalam filem Mesir "*The Treasure*" turut mendapati bahawa spesifikasi merupakan salah satu prosedur terjemahan yang kerap digunakan. Dapatan Fărcașiu (2024), Abdelaal (2024) dan kajian yang dibincangkan di atas menunjukkan perbezaan yang sangat ketara dan membangkitkan persoalan tentang kesesuaian penggunaan prosedur terjemahan spesifikasi dalam penterjemahan bahasa yang berlainan. Dapatan yang dibincangkan turut memperlihatkan bahawa penggunaan prosedur terjemahan spesifikasi bergantung pada faktor-faktor seperti ketersediaan ruang, jenis rujukan budaya, konteks dialog dan jarak budaya. Dalam hal ini, konteks penggunaan prosedur penterjemahan spesifikasi turut perlu diteliti.

Dalam konteks Malaysia, walaupun terdapat kajian yang menerokai terjemahan filem Malaysia, fokus kajian tersebut ialah elemen humor (Tu, 2020), bahasa tabu (Mohamad Zakuan Tuan Ibharim & Khairul Faiz Alimi, 2024), strategi terjemahan yang digunakan (Batmanathan et al. 2022; Nur Batrisyia Umairah Mohamed & Maizura Mohd Noor, 2024) dan ketepatan terjemahan (Batmanathan et al. 2022). Wan Halizawati Wan Mahmood (2021) pula meneroka penggambaran budaya Melayu (*Malay cultural portrayal*) dalam filem animasi "Keris Siamang Tunggal" dengan mengenal pasti item budaya Melayu dan meneliti penyampaiannya melalui sari kata bahasa Inggeris. Beliau mendapati bahawa bahasa yang digunakan dalam sari kata bahasa Inggeris filem tersebut, termasuk terjemahan bahasa diraja, adalah pendek dan mudah difahami dengan penggunaan perkataan yang biasa digunakan. Selain itu, beliau menerang bahawa cara pengekalan digunakan untuk mengekalkan nama-nama watak ikonik cerita rakyat Melayu, dan cara modulasi dimanfaatkan untuk penterjemahan dialog bahasa diraja. Walau bagaimanapun, beliau tidak membincangkan strategi penterjemahan rujukan budaya secara terperinci. Akan tetapi, kajian tersebut telah membangkitkan keperluan untuk menerokai strategi penterjemahan rujukan budaya, terutamanya prosedur terjemahan yang sesuai digunakan untuk mengurangkan diskaun budaya supaya kebolehterimaan filem Malaysia di peringkat antarabangsa boleh ditingkatkan. Hal ini demikian kerana penggunaan prosedur terjemahan yang tidak sesuai untuk menterjemahkan rujukan budaya akan menyebabkan kesilapan dan mengelirukan penonton sasaran (Chen et al., 2023), seterusnya mengakibatkan diskaun budaya.

Kajian Chen et al. (2023) dan El-Farahaty dan Alwazna (2024) telah menunjukkan bahawa spesifikasi boleh dimanfaatkan untuk membentuk representasi budaya dan mengurangkan diskaun budaya. Hal ini dikatakan demikian kerana prosedur terjemahan ini membenarkan penterjemah memperkenalkan rujukan budaya sumber kepada penonton sasaran dengan mengekalkan rujukan budaya sumber berkenaan dalam teks sasaran, dan menambahkan maklumat atau penerangan tentang rujukan berkenaan untuk memudahkan pemahaman penonton sasaran. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah meneliti penggunaan spesifikasi untuk menterjemahkan rujukan budaya sumber dalam filem Malaysia demi memahami konteks penggunaannya dan mengetahui kesesuaian prosedur terjemahan ini dalam mengurangkan diskaun budaya dan memacu pengantarabangsaan filem Malaysia.

2. Metodologi

2.1 Kerangka Teori

Kerangka teori kajian ini terdiri daripada konsep rujukan budaya sumber yang diperkenalkan oleh Ranzato (2016) dan kerangka prosedur terjemahan yang digagaskan oleh Pedersen (2011). Seperti yang diterangkan dalam bahagian 1.2, konsep rujukan budaya sumber dipilih untuk mengenal pasti rujukan khusus budaya Malaysia dalam filem yang dikaji. Konsep rujukan budaya sumber oleh Ranzato (2016) dianggap sesuai digunakan dalam konteks kajian ini kerana klasifikasi yang bersifat konseptual ini mengambil kira perspektif penonton dalam budaya sasaran dan aspek pemahaman penonton sasaran merupakan faktor diskaun budaya.

Selain itu, kerangka prosedur terjemahan Pedersen (2011) diterapkan untuk membincangkan penggunaan prosedur terjemahan spesifikasi untuk menterjemahkan rujukan budaya sumber yang dikenal pasti. Selain spesifikasi, prosedur terjemahan berorientasikan budaya sumber yang digagaskan oleh Pedersen merangkumi (1) pengekalan, yang bermaksud mengekalkan rujukan budaya dalam teks sasaran, dan (2) terjemahan langsung, yang melibatkan penterjemahan rujukan budaya secara literal. Prosedur terjemahan berorientasikan budaya sasaran pula merangkumi (3) generalisasi, yang menjadikan rujukan budaya kurang spesifik dalam teks sasaran dengan menggunakan istilah superordinat atau melalui parafrasa, (4) penggantian, yang bermaksud menggantikan rujukan budaya dengan rujukan budaya lain, dan (5) pengguguran yang bermaksud menggugurkan dan tidak menghasilkan semula rujukan budaya dalam teks sasaran. Padanan rasmi yang tidak berorientasikan budaya sumber atau budaya sasaran melibatkan terjemahan yang sedia ada atau ditetapkan secara rasmi.

2.2 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan ialah analisis kandungan kualitatif (*qualitative content analysis*). Kaedah analisis kandungan digunakan kerana kaedah ini membolehkan pembahagian data tekstual kualitatif kepada kategori-kategori konseptual untuk mengenal pasti corak yang konsisten dan hubungan antara pembolehubah atau tema (Julien, 2008). Menurut Schreier (2012), analisis kandungan kualitatif sering melibatkan langkah yang sama, iaitu menentukan persoalan kajian, memilih bahan kajian, membina rangka pengekodan, membahagikan bahan kepada unit pengekodan, menguji rangka pengekodan, menilai dan mengubah suai rangka pengekodan, menjalankan analisis, dan akhir sekali mentafsir dan membentangkan dapatan.

Persoalan kajian telah ditentukan dan dinyatakan dalam bahagian 1.0. Seterusnya, sumber data kajian ialah sari kata bahasa Inggeris tiga filem bahasa Melayu dan tiga filem bahasa Cina Malaysia yang telah meraih pengiktirafan antarabangsa (pernah menerima anugerah antarabangsa, pernah ditayangkan di filem festival antarabangsa dsb.) atau boleh dicapai melalui media penstriman antarabangsa seperti Netflix dan Disney+. Sari kata bahasa Inggeris filem-filem dipilih untuk dikaji kerana bahasa Inggeris merupakan lingua franca dalam industri filem dan penterjemahan ke dalam bahasa Inggeris sering dijadikan langkah awal untuk mengantarabangsakan produk media (Díaz-Cintas & Zhang, 2022). Selain itu, filem bahasa Melayu dan filem bahasa Cina dipilih kerana kedua-dua bahasa tersebut merupakan bahasa pengantar utama filem Malaysia dan filem kedua-dua bahasa tersebut dapat mencerminkan identiti kepelbagaian budaya dan bangsa Malaysia. Filem Malaysia bahasa lain, seperti bahasa Tamil tidak dikaji disebabkan oleh kekangan kemahiran bahasa pengkaji. Di samping itu, filem-filem yang dipilih tersebut juga mempersembahkan pelbagai jenis rujukan budaya sumber yang boleh mengelirukan penonton antarabangsa dan menjejaskan pemahaman mereka terhadap kandungan filem-filem Malaysia tersebut. Tiga filem bahasa Melayu yang dikaji ialah "Prebet Sapu" (2020), "Harum Malam" (2023) dan "Tegkang" (2024). Filem bahasa Cina yang dikaji ialah "*Small Town Heroes*" (2022), "*Hungry Ghost Diner*" (2023) dan "*Snow in Midsummer*" (2023). Sari kata bahasa Inggeris bagi filem "Prebet Sapu" (2020), "Tegkang" (2024), dan "*Hungry Ghost Diner*" (2023) diakses melalui platform Netflix, manakala "*Small Town Heroes*" (2022) dan "Harum Malam" (2023) diakses melalui platform Disney+. Capaian kepada filem "*Snow in Midsummer*" (2023), termasuk sari kata bahasa Inggeris, diberikan oleh pihak penerbit filem tersebut.

Selepas menyediakan sumber data, rangka pengekodan ditentukan. Kategori utama rangka pengekodan bagi analisis ini ialah prosedur-prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemahkan rujukan budaya sumber yang dipersembahkan dalam filem-filem yang dikaji. Oleh itu, analisis dimulakan dengan menonton filem-filem yang ditentukan untuk mengenal pasti rujukan khusus budaya Malaysia berdasarkan konsep rujukan budaya sumber Ranzato (2016) dan terjemahan bahasa Inggerisnya. Untuk kajian ini, terjemahan sari kata bahasa Inggeris dipadankan dengan ujaran lisan filem kerana terdapat rujukan budaya sumber yang disampaikan dalam bahasa lain yang bukan bahasa pengantar utama filem berkenaan. Selepas mengenal pasti rujukan budaya sumber dan terjemahan bahasa Inggerisnya, analisis diteruskan dengan membahagikan rujukan budaya sumber tersebut mengikut prosedur terjemahan yang dimanfaatkan berdasarkan taksonomi prosedur terjemahan Pedersen (2011). Kemudian, unit-unit yang menunjukkan penggunaan spesifikasi tersebut dibahagikan secara lanjut berdasarkan jenis spesifikasi yang digunakan (pelengkapan atau penambahan) dan cara penggunaan kedua-dua jenis spesifikasi tersebut secara terperinci. Rangka pengekodan kajian ini diuji dan dinilai dengan melakukan semula pengekodan dan membandingkan hasil dua pusingan pengekodan. Perbandingan hasil pengekodan menunjukkan pengekodan adalah konsisten. Oleh itu, rangka pengekodan tidak diubah suai. Akhir sekali, unit-unit di bawah kategori spesifikasi diteliti untuk membincangkan secara terperinci tentang cara penggunaan dan mengenal pasti kesesuaian penggunaan prosedur tersebut untuk mengurangkan diskaun budaya.

3. Dapatan dan Perbincangan

Analisis menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan spesifikasi dalam penterjemahan rujukan budaya sumber yang dikenal pasti adalah sebanyak 71 kes. Bagi penterjemahan rujukan budaya sumber dalam filem "Prebet Sapu", kekerapan penggunaan spesifikasi ialah 23. Filem "Harum Malam" pula mempunyai dua rujukan budaya sumber, manakala filem "Tegkang" mengandungi empat rujukan budaya sumber yang diterjemahkan dengan menggunakan spesifikasi. Seterusnya, kekerapan penggunaan spesifikasi dalam penterjemahan rujukan budaya sumber dalam filem "*Small Town Heroes*" dan "*Hungry Ghost Diner*" ialah 12. Bagi filem "*Snow in Midsummer*" pula, spesifikasi digunakan sebanyak 18 kali untuk menterjemahkan rujukan budaya sumber yang dikenal pasti. Rujukan budaya sumber yang diterjemahkan dengan menggunakan prosedur ini merangkumi rujukan budaya berkenaan dengan singkatan nama tempat Malaysia, nama institusi Malaysia, gelaran, agama yang diamalkan oleh rakyat Malaysia, makanan, perayaan yang disambut oleh rakyat Malaysia, alat muzik tradisional, tokoh Malaysia dan sebagainya.

Contoh-contoh penggunaan spesifikasi yang dikenal pasti memperlihatkan cara spesifikasi pelengkapan dan penambahan digunakan untuk menterjemahkan rujukan budaya sumber yang boleh menimbulkan diskaun budaya. Oleh itu, perbincangan seterusnya akan dibahagikan kepada dua bahagian utama, iaitu pelengkapan dan penambahan. Dalam kedua-dua bahagian tersebut, cara penggunaan spesifikasi akan dibincangkan berdasarkan contoh-contoh yang dipilih secara rawak. Dalam Jadual 1-8 yang mempamerkan contoh penggunaan prosedur terjemahan spesifikasi, kebanyakan teks sumber yang ditunjukkan adalah berdasarkan runut bunyi filem. Untuk dialog yang disampaikan dalam bahasa di luar kemahiran bahasa pengkaji, seperti bahasa Kelabit, teks sumber adalah berdasarkan sari kata bahasa pengantar utama atau kapsyen filem berkenaan.

3.1 Spesifikasi: Pelengkapan

Bahagian 3.1 akan membincangkan penggunaan spesifikasi pelengkapan untuk menterjemahkan rujukan budaya sumber yang disampaikan dalam bentuk akronim, singkatan atau tidak lengkap.

3.1.1 Pelengkapan Singkatan

Berdasarkan contoh 1 dan 2 dalam Jadual 1 yang wujud dalam filem "*Hungry Ghost Diner*" dan "*Snow in Midsummer*", terdapat satu rujukan budaya sumber yang mungkin mengelirukan penonton sasaran yang kekurangan pengetahuan geografi Malaysia, iaitu akronim bagi ibu kota Malaysia, Kuala Lumpur. Dengan menggunakan spesifikasi pelengkapan dan melengkapkan akronim tersebut dalam teks sasaran, penonton sasaran boleh mengetahui bahawa "KL" merujuk kepada Kuala Lumpur dan hal ini dapat mengurangkan diskaun budaya.

Selain itu, dalam filem "*Snow in Midsummer*", singkatan bagi kad pengenalan dalam bahasa Inggeris, iaitu "IC" juga dilengkapkan dalam teks sasaran dengan menggunakan spesifikasi pelengkapan (lihat contoh 3 Jadual 1). Pelengkapan singkatan tersebut dapat mengelakkan kekeliruan penonton sasaran kerana singkatan "IC" boleh membawa maksud lain selain "*identity card*". Oleh itu, diskaun budaya boleh dikurangkan kerana pelengkapan singkatan ini boleh mengelakkan salah faham penonton sasaran.

Jadual 1

Contoh Penggunaan Prosedur Terjemahan Spesifikasi yang Melibatkan Pelengkapan Singkatan

Bil.	Adegan (Filem)	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	00:40:28-00:40:31 (*Hungry Ghost Diner*)	Sempadan sudah tutup, Selangor dengan KL. Semua kena lockdown.	*The border is closed.* *Selangor and Kuala Lumpur are in lockdown.*
2	00:56:39-00:56:41 (*Snow in Midsummer*)	。。。你上礼拜看到报纸了 要去 KL，是不是？ [...ni shang libai kandao baozhi le yao qu KL, shibushi?] [Glos :...awak lepas minggu nampak surat khabar sudah ingin pergi KL, ya tak ya]	*...you read this news last week.* *You want to go Kuala Lumpur right?*
3	01:27:18-01:27:20 (*Snow in Midsummer*)	Minta saya permit dengan IC.	*Show me your permit and identity card.*

3.1.2 Pelengkapan Singkatan yang Ungkapan Penuhnya Diterjemahkan kepada Bahasa Sasaran

Berdasarkan contoh 1 dan 2 dalam Jadual 2, terdapat dua adegan dalam filem "Prebet Sapu" yang mengandungi rujukan budaya sumber yang berkaitan dengan institusi di Malaysia, iaitu akronim "SPR" yang merujuk kepada Suruhanjaya Pilihan Jaya dan "JKM" yang merujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Terjemahan bahasa Inggeris bagi kedua-dua rujukan budaya sumber tersebut telah dihasilkan dengan menggunakan prosedur terjemahan padanan rasmi dan melibatkan penggunaan spesifikasi pelengkapan. Hal ini dikatakan demikian kerana kedua-dua akronim tersebut telah

dilengkapkan dan diterjemahkan kepada padanan rasminya dalam bahasa Inggeris, iaitu "*Election Commission*" dan "*Department of Social Welfare*". Dengan melengkapkan dan menterjemahkan ungkapan penuh akronim tersebut kepada bahasa Inggeris, rujukan budaya tersebut yang berkaitan dengan institusi kerajaan Malaysia menjadi spesifik dan jelas dalam teks sasaran. Hal ini dapat mengurangkan diskaun budaya kerana penonton sasaran boleh memahami dengan jelas tentang fungsi institusi tersebut melalui nama penuhnya dan dapat mengikut jalan cerita filem.

Contoh 3 dalam Jadual 2 memaparkan adegan yang berlaku apabila watak utama "*Hungry Ghost Diner*", Bonnie bertanya kepada Yap Sifu yang merupakan seorang pendeta Taoisme tentang sebab dia berada di sekatan jalan raya dan Yap Sifu menjawab dia dengan menyebut "RELA", iaitu singkatan bagi Jabatan Sukarelawan Malaysia, untuk menunjukkan bahawa dia merupakan anggota RELA dan sedang bertugas di sekatan jalan raya tersebut. Terjemahan bahasa Inggeris "RELA", iaitu "*People's Volunteer Corps*" yang juga dihasilkan dengan menggunakan spesifikasi pelengkapan dan melibatkan penterjemahan ungkapan penuh singkatan tersebut dapat mengurangkan diskaun budaya kerana penonton sasaran dapat mengetahui bahawa Yap Sifu berada di sekatan jalan raya tersebut kerana dia sedang bertugas sebagai anggota pasukan sukarelawan.

Berdasarkan contoh terakhir dalam Jadual 2, rujukan budaya sumber "华小" (*huaxiao*) yang ditemui dalam filem "*Small Town Heroes*" juga diterjemahkan dengan cara yang sama. "华小" (*huaxiao*) merupakan singkatan bagi "华文小学" (*huawen xiaoxue*) yang bermaksud sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di Malaysia. Adegan ini berlaku apabila pengetua rumah anak yatim memberitahu watak utama bahawa di kawasan sekitar rumah anak yatim tersebut tiada sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Oleh itu, mereka yang bersekolah di sekolah kebangsaan tidak belajar bahasa Cina di sekolah. Terjemahan bagi singkatan tersebut, iaitu "*Chinese Primary School*" telah dihasilkan dengan melengkapkan singkatan tersebut dan seterusnya menterjemahkan ungkapan penuh singkatan tersebut secara langsung kepada bahasa Inggeris. Terjemahan rujukan budaya sumber tersebut dapat mengurangkan diskaun budaya kerana penonton sasaran boleh mengetahui dengan jelas bahawa singkatan tersebut merujuk kepada sekolah vernakular Cina.

Jadual 2

Contoh Penggunaan Prosedur Terjemahan Spesifikasi Pelengkapan dengan Melengkapkan Singkatan yang Ungkapan Penuhnya Diterjemahkan kepada Bahasa Sasaran

Bil.	Adegan (Filem)	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	00:06:21-00:06:23 (Prebet Sapu)	…SPR akan menetapkan pilihan raya pada Rabu...	*...the Election Commission will proceed with the general election on Wednesday,…*
2	00:26:55-00:26:56 (Prebet Sapu)	...belajar mengurut dari JKM...	*I learned about it from the Department of Social Welfare.*
3	00:40:10-00:40:11 (*Hungry Ghost Diner*)	RELA.	*People's Volunteer Corps.*
4	00:04:30-00:04:31 (*Small Town Heroes*)	这一带是没有华小 [zhe yi dai shi meiyou huaxiao] [Glos: Sini satu kawasan ialah tiada Cina kecil]	*There is no Chinese primary school in this area*

3.1.3 Pelengkapan Gelaran

Dalam beberapa adegan filem "*Snow in Midsummer*", "tok" yang merujuk kepada "Natok Gong" telah diterjemahkan dengan menggunakan spesifikasi pelengkapan. Jadual 3 memaparkan salah satu adegan yang mewujudkan gelaran tersebut. Adegan ini berlaku apabila bapa watak utama meminta pertolongan perantara yang dirasuk *Natok Gong*, iaitu dewa pelindung yang disembah dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia, untuk "menjinakkan" anaknya, iaitu adik lelaki watak utama. Dalam contoh ini, gelaran bagi *Natok Gong*, iaitu "tok" telah dilengkapkan dalam teks sasaran. Dengan pelengkapan gelaran tersebut, teks sasaran menunjukkan dengan jelas bahawa perantara tersebut dirasuk dewa yang dipanggil sebagai *Natok Gong*. Walaupun "Natok Gong" boleh mengelirukan penonton sasaran dan menyebabkan diskaun budaya, penonton sasaran masih boleh memahami jalan cerita filem bahawa watak tersebut meminta pertolongan dewa *Natok Gong* untuk mendisiplinkan anak lelakinya melalui konteks dialog dan visual yang dipersembahkan. Oleh itu, diskaun budaya yang timbul disebabkan oleh rujukan budaya "Natok Gong" tidak begitu signifikan dan boleh dikurangkan melalui konteks.

Jadual 3

Contoh Penggunaan Prosedur Terjemahan Spesifikasi Pelengkapan yang Melibatkan Pelengkapan Gelaran

Bil.	Adegan (Filem)	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	00:09:10-00:09:13 (*Snow in Midsummer*)	Tolong jinakkan anak ini, tolong tok.	*Please discipline my son, Natok Gong.*

3.1.4 Pelengkapan Nama Rasmi Organisasi

Berdasarkan contoh dalam Jadual 4 yang memaparkan salah satu adegan dalam filem "*Snow in Midsummer*", "大华"(*dahua*) yang merujuk "大华戏院" (*dahua xiyuan*), iaitu Panggung Majestic telah diterjemahkan dengan menggunakan spesifikasi pelengkapan. Hal ini dikatakan demikian kerana nama rasmi panggung tersebut dilengkapkan dengan penambahan perkataan "*Theatre*" dalam teks sasaran. Disebabkan "七点场" (*qidian chang*) yang bermaksud tayangan pukul tujuh digugurkan dalam teks sasaran, penonton sasaran berkemungkinan akan keliru jika istilah "*Theatre*" tidak ditambah dalam teks sasaran. Oleh itu, terjemahan rujukan budaya sumber tersebut dapat mengurangkan diskaun budaya dengan penambahan perkataan "*Theatre*" yang jelas menunjukkan tempat yang watak tersebut pergi ialah "*Majestic Theatre*".

Dengan meneliti contoh-contoh penggunaan spesifikasi pelengkapan yang dibincangkan, boleh didapati bahawa pelengkapan sering digunakan untuk melengkapkan akronim bagi tempat, organisasi dan institusi di Malaysia yang wujud dalam filem bahasa Melayu dan bahasa Cina Malaysia. Dapatan ini selaras dengan pernyataan Božović (2021) bahawa spesifikasi sering digunakan untuk penterjemahan singkatan, akronim, nama institusi, persatuan, agensi dan sebagainya. Selain itu, spesifikasi pelengkapan juga digunakan dengan melengkapkan singkatan yang biasa digunakan dalam kalangan masyarakat Malaysia seperti "IC" dan "华小" (*huaxiao*). Di samping itu, contoh-contoh dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa dengan melengkapkan singkatan dan menterjemahkan ungkapan penuh singkatan tersebut kepada bahasa sasaran, diskaun budaya dapat dikurangkan kerana terjemahan ungkapan penuh singkatan tersebut dapat memudahkan pemahaman penonton sasaran. Dalam contoh-contoh tersebut, penterjemahan ungkapan penuh singkatan melibatkan penggunaan prosedur terjemahan lain seperti padanan rasmi dan terjemahan langsung. Contoh yang dipaparkan dalam Jadual 3 juga menunjukkan spesifikasi pelengkapan boleh diaplikasikan dengan melengkapkan gelaran atau panggilan supaya orang atau benda yang dirujuk dapat menjadi spesifik dan jelas dalam teks sasaran. Walau bagaimanapun, kelemahan utama spesifikasi pelengkapan ialah penggunaannya memerlukan ruang (Pedersen, 2011). Oleh itu, faktor ketersediaan ruang perlu diambil kira semasa menggunakan prosedur ini.

Jadual 4

Contoh Penggunaan Prosedur Terjemahan Spesifikasi Pelengkapan yang Melibatkan Pelengkapan Nama Rasmi Organisasi

Bil.	Adegan (Filem)	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	00:12:12-00:12:15 (*Snow in Midsummer*)	她休息 约了姐妹去大华看七点场 [ta xiuxi yue le jiemei qu dahua kan qidian chang] [Glos: dia rehat ajak sudah kakak adik pergi dahua tengok tujuh pukul tayangan]	*It's her day off.* *She's going to the Majestic Theatre with her sisters.*

3.2 Spesifikasi: Penambahan

Berdasarkan kajian-kajian tentang terjemahan sari kata yang dibincangkan dalam bahagian Pengenalan (cth. El-Farahaty & Alwazna, 2024; Fărcașiu, 2024; Omer & Aminzadeh, 2023), spesifikasi penambahan jarang digunakan dalam penterjemahan rujukan budaya dan jarang dibincangkan secara terperinci. Oleh itu, bahagian 3.2 bertujuan untuk mendalami cara penggunaan spesifikasi penambahan yang dapat dikenal pasti, iaitu penjenisan, penghuraian, penambahan maksud sebenar rujukan budaya dan eksplisitasi.

3.2.1 Penjenisan

Contoh 1 dan 2 yang ditunjukkan dalam Jadual 5 memaparkan adegan yang berlaku dalam filem "Harum Malam" apabila Dina, salah seorang watak dalam filem tersebut merawat wanita yang dirasuk. Penterjemah sari kata telah menterjemahkan nama kedua-dua jenis jin tersebut dengan menggunakan spesifikasi penambahan dan melibatkan penjenisan. Nama kedua-dua jenis jin tersebut telah dikekalkan dalam teks sasaran dan penerangan bahawa nama-nama tersebut merujuk kepada jin telah ditambahkan dalam tanda kurung lengkung. Bagi "Al-Ghillan", penterjemah telah menambah satu lagi perkataan, iaitu "*malicious*" untuk menunjukkan bahawa "Al-Ghillan" lebih kuat dan jahat daripada "Al-Hinnu". Dalam contoh ini, spesifikasi penambahan bukan sahaja memudahkan pemahaman penonton sasaran dengan penambahan penerangan tentang "Al-Ghillan" dan "Al-Hinnu", tetapi juga menunjukkan perbezaan antara kedua-dua jenis jin ini dari segi kekuatan dan kejahatan. Sehubungan itu, diskaun budaya dapat dikurangkan.

Jadual 5

Contoh Penggunaan Prosedur Terjemahan Spesifikasi Penambahan yang Melibatkan Penjenisan Rujukan Budaya Sumber

Bil.	Adegan (Filem)	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	00:09:36-00:09:38 (Harum Malam)	Mungkin Al-Hinnu.	*It could be an Al-Hinnu (djinn).*
2	00:11:43-00:11:46 (Harum Malam)	Dia Al-Ghillan.	*It's an Al-Ghillan (malicious djinn).*
3	01:15:10-01:15:14 (Tegkang)	Ayah, boleh saya minta Sape ini?	*Father, can I have your "Sape" (string instrument)?*
4	00:22:30-00:22:35 (*Snow in Midsummer*)	Cerita dan lakon layar oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.	*The screenplay of our Prime Minister Tunku Abdul Rahman*
5	00:40:42-00:40:50 (*Snow in Midsummer*)	Sidang Malaikat mengiring ku.	*The angels of heaven are with me*
6	01:30:00-01:30:03 (*Snow in Midsummer*)	本来我还以为普长春。。。 [benlai wo hai yiwei *"Poh Cheung Choon"*] [Glos: asal saya masih ingat *"Poh Cheung Choon"]*	*I thought the "Poh Cheung Choon" opera troupe...*
7	01:16:07-01:16:12 (*Hungry Ghost Diner*)	佛门弟子降龙来！ [fomen dizi xianglong lai] [Glos: Buddha pintu anak murid menundukkan naga datang]	*They mark the Dragon Tamer Arhat's arrival!*
8	00:24:03-00:24:04 (*Small Town Heroes*)	可以不要过新年吗? [keyi buyao guo xinnian ma] [Glos: boleh tidak mahu sambut baharu tahun kah]	*Can we not celebrate Chinese New Year?*

Filem "Tegkang" mengandungi pelbagai rujukan budaya kaum Kelabit di Sarawak, Malaysia. Salah satunya ialah alat muzik tradisional kaum Kelabit, iaitu "Sape" yang dipaparkan dalam Jadual 5, contoh 3. Nama alat muzik tradisional tersebut telah dikekalkan dalam teks sasaran dan penerangan tentang jenis alat muzik tersebut, iaitu "*string instrument*" telah ditambahkan. Penggunaan spesifikasi penambahan untuk menterjemahkan rujukan budaya sumber tersebut dapat memperkenalkan budaya Kelabit kepada penonton sasaran dan mengurangkan diskaun budaya. Tambahan pula, dalam filem itu, terdapat adegan orang Kelabit memetik Sape. Oleh itu, terjemahan tersebut dapat melengkapi visual yang dipersembahkan dalam memperkenalkan alat muzik tersebut kepada penonton sasaran.

Dalam filem "*Snow in Midsummer*", rujukan budaya sumber "Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj" yang diterjemahkan kepada "*our Prime Minister Tunku Abdul Rahman*" juga melibatkan penggunaan spesifikasi penambahan. Rujukan budaya ini diterjemahkan dengan menggunakan prosedur terjemahan spesifikasi penambahan dan pengguguran. Pengguguran digunakan untuk menggugurkan rujukan kehormat "Yang Teramat Mulia" dan sebahagian nama beliau, iaitu "Putra Al-Haj". Seterusnya, spesifikasi penambahan digunakan untuk menambahkan frasa "*our Prime Minister*" dan mengekalkan nama "Tunku Abdul Rahman" yang lebih dikenali dalam kebanyakan konteks rasmi dan sejarah. Penambahan "*our Prime Minister*" dapat membolehkan penonton sasaran menyedari bahawa penulis skrip filem "Raja Bersiong" yang ditayangkan dalam adegan tersebut sebenarnya merupakan Perdana Menteri Malaysia pada masa itu. Sehubungan itu, diskaun budaya dapat dikurangkan kerana penonton sasaran dapat mengenal pasti identiti dan kedudukan penulis skrip filem tersebut pada masa itu.

Contoh 5 dalam Jadual 5 pula menunjukkan satu rujukan budaya sumber berkaitan dengan agama Islam yang wujud dalam filem yang sama, iaitu "Sidang Malaikat". Dialog tersebut merupakan petikan syair yang dibaca oleh watak Tun Sri Lanang dalam adegan tersebut. Penterjemahan "Sidang Malaikat" kepada "*angels of heaven*" melibatkan penggunaan spesifikasi penambahan kerana perkataan "*heaven*" yang menekankan bahawa "malaikat yang mengiring" ialah malaikat dari syurga ditambahkan. Penambahan perkataan tersebut yang menunjukkan jenis malaikat yang disebutkan ialah malaikat dari syurga telah menjadikan rujukan budaya sumber tersebut lebih spesifik dalam teks sasaran.

Berdasarkan contoh 6 dalam Jadual 5, nama kumpulan opera Cina "普长春" (*pu chang chun*) yang wujud dalam filem yang sama juga telah diterjemahkan dengan menggunakan spesifikasi penambahan. Frasa "*opera troupe*" ditambahkan ke dalam teks sasaran untuk menunjukkan "普长春" (*pu chang chun*) merujuk kepada nama sebuah kumpulan opera Cina. Selain itu, nama kumpulan opera tersebut dikekalkan dalam teks sasaran berdasarkan sebutan bahasa Kantonis, iaitu "*Poh Cheung Choon*", bukan berdasarkan sebutan bahasa Mandarin. Hal ini mungkin kerana kumpulan opera tersebut

merupakan kumpulan opera Kantonis. Dengan penambahan frasa "*opera troupe*" dan pengekalan sebutan Kantonis nama opera tersebut, rujukan budaya sumber tersebut dapat disampaikan secara jelas dalam teks sasaran bahawa rujukan budaya tersebut merujuk kepada sebuah kumpulan opera Kantonis.

Rujukan budaya sumber seterusnya yang akan dibincangkan dalam bahagian ini ialah "佛门弟子降龙" (*fomen dizi xianglong*) yang diterjemahkan kepada "*Dragon Tamer Arhat*" dalam sari kata bahasa Inggeris "*Hungry Ghost Diner*" (lihat contoh 7 Jadual 5). Penterjemahan rujukan budaya sumber ini melibatkan penggunaan tiga jenis prosedur terjemahan, termasuk spesifikasi penambahan. "佛门弟子" (*fomen dizi*) yang merujuk kepada pengikut Buddha telah digugurkan dalam teks sasaran. "降龙" (*xianglong*) pula merupakan nama salah seorang pengikut Buddha dan terjemahan literal "降龙" (*xianglong*) ialah "menundukkan naga". Menurut legenda, beliau pernah menundukkan Raja Naga dan mendapatkan kembali kitab suci Buddha, maka beliau digelar "降龙" (*xianglong*). Nama tersebut telah diterjemahkan dengan menggunakan terjemahan langsung kepada "*Dragon Tamer*". Selain itu, penterjemah telah menambahkan "*Arhat*" dalam teks sasaran untuk menunjukkan kedudukan dan tahap kerohanian 降龙 (*xianglong*) dengan menggunakan spesifikasi penambahan. Dalam agama Buddha, "*arhat*" merujuk kepada pengikut agama Buddha yang telah mencapai tahap pencerahan (Merriam-Webster, n.d.). Walaupun rujukan budaya sumber tersebut menjadi spesifik dalam teks sasaran dengan penambahan perkataan "*arhat*" yang menunjukkan kedudukan "降龙" (*xianglong*), terjemahan tersebut masih boleh menyebabkan diskaun budaya kerana penonton sasaran yang kekurangan pengetahuan tentang agama Buddha mungkin mengalami kesukaran untuk memahami makna "*arhat*". Oleh itu, bagi rujukan budaya sumber ini, penterjemah mungkin boleh menggunakan terjemahan langsung untuk menterjemahkan "佛门弟子" (*fomen dizi*) kepada "*disciple of Buddha*" supaya rujukan budaya sumber tersebut mudah difahami.

Di samping itu, filem "*Small Town Heroes*" juga mengandungi satu rujukan budaya sumber yang diterjemahkan dengan menggunakan spesifikasi penambahan. Berdasarkan contoh 8 dalam Jadual 5, perkataan "*Chinese*" telah ditambahkan dalam teks sasaran untuk menunjukkan tahun baharu yang disebut tersebut merujuk kepada tahun baharu berdasarkan kalendar Cina dan merupakan perayaan yang disambut oleh orang Cina. Penambahan perkataan tersebut dapat mengelakkan penonton sasaran mentafsirkan tahun baharu yang disebut tersebut merujuk kepada tahun baharu berdasarkan kalendar suria. Berdasarkan contoh-contoh yang dipaparkan dalam Jadual 5, boleh didapati bahawa penggunaan spesifikasi penambahan yang digagaskan oleh Pedersen juga melibatkan penjenisan.

3.2.2 Penghuraian

Contoh 1 dalam Jadual 6 memaparkan satu rujukan budaya sumber berkaitan kaum Kelabit dalam filem "Tegkang", iaitu upacara "Irau Mekaa Ngadan". Penterjemah telah menggunakan spesifikasi penambahan untuk mengekalkan nama upacara tersebut dan menambah penerangan tentang upacara tersebut, iaitu "*a name-changing ceremony*", dalam teks sasaran apabila rujukan tersebut muncul kali pertama. Penggunaan spesifikasi penambahan dapat memperkenalkan budaya Kelabit tersebut dan mengurangkan diskaun budaya kerana huraian tentang rujukan budaya tersebut dapat memudahkan pemahaman penonton sasaran tentang upacara tradisional tersebut.

Jadual 6

Contoh Penggunaan Prosedur Terjemahan Spesifikasi Penambahan yang Melibatkan Penghuraian Rujukan Budaya Sumber

Bil.	Adegan (Filem)	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	00:50:45-00:50:53 (Tegkang)	Rinai dah umur empat tahun ada Irau Mekaa Ngadan.	*When Rinai was 4,* *there was an Irau Mekaa Ngadan* *(a name-changing ceremony).*
2	01:04:48-01:04:49 (*Hungry Ghost Diner*)	向佛陀求救 佛陀说 [xiang fotuo qiujiu fotuo shuo] [Glos: Kepada Buddha minta tolong Buddha kata]	*...the Great Buddha didst approach,* *who with infinite wisdom did say,*
3	1:20:18-1:20:20 (*Hungry Ghost Diner*)	腐竹白果糖水 [fuzhu baiguo tangshui] [Glos: kulit tauhu gingko manis air]	*Ginkgo nut barley with bean curd skin.*

Filem "*Hungry Ghost Diner*" yang berlatarbelakangkan Perayaan Hantu mengandungi banyak rujukan budaya berkenaan dengan agama Buddha dan Taoisme yang diamalkan oleh masyarakat Cina di Malaysia. Salah satunya ialah "佛陀" (*fotuo*) yang merujuk kepada Buddha. Berdasarkan teks sasaran yang ditunjukkan dalam Jadual 6, boleh didapati bahawa "佛陀" (*fotuo*) mempunyai dua terjemahan dalam satu adegan, iaitu "*the Great Buddha*" dan "*who with infinite wisdom*". Adegan ini berlaku apabila Yap Sifu dan anak muridnya mempersembahkan cerita Buddha Cina "Mulian Menyelamatkan Ibunya". Dialog yang dipaparkan merupakan naratif persembahan tersebut apabila Mulian memohon

petunjuk daripada Buddha tentang cara untuk menyelamatkan ibunya yang menderita. Kedua-dua terjemahan tersebut telah menjadikan rujukan budaya sumber lebih spesifik dalam teks sasaran. Penambahan perkataan "*Great*" dalam teks sasaran dapat menekankan keagungan Buddha walaupun terjemahan "Buddha" sudah memadai untuk merujuk kepada "佛陀" (*fotuo*). Dalam adegan yang sama, "佛陀" (*fotuo*) disebut sekali lagi. Penterjemah tidak menggunakan terjemahan yang sama tetapi menterjemahkan rujukan tersebut dengan menyatakan kekuatan dan kebijaksanaan Buddha. Kedua-dua terjemahan tersebut melibatkan penerangan tentang keagungan dan kedudukan Buddha dalam teks sasaran supaya penonton sasaran yang kekurangan pengetahuan tentang agama Buddha juga dapat menyedari bahawa Mulian telah mencari Buddha yang agung untuk menyelamatkan ibunya.

Dalam filem yang sama, terdapat juga satu contoh penggunaan spesifikasi penambahan dengan menambahkan huraian tentang rujukan budaya yang dipersembahkan. Berdasarkan contoh 3 Jadual 6, penterjemahan "腐竹白果糖水" (*fuzhu baiguo tangshui*) melibatkan penggunaan tiga jenis prosedur terjemahan, iaitu spesifikasi penambahan, terjemahan langsung dan pengguguran. "腐竹" (*fuzhu*) dan "白果" (*baiguo*) telah diterjemahkan secara langsung kepada "*beancurd skin*" dan "*ginkgo nut*", manakala "糖水" (*tangshui*) yang bermaksud sup manis telah digugurkan dalam teks sasaran. Spesifikasi penambahan telah digunakan oleh penterjemah sari kata bahasa Inggeris untuk menambahkan perkataan "*barley*" dalam teks sasaran, iaitu huraian tentang sup manis yang disebut dalam adegan tersebut. Penambahan perkataan tersebut telah menjadikan rujukan budaya sumber tersebut spesifik dalam teks sasaran.

3.2.3 Penambahan Maksud Sebenar

Adegan yang dipaparkan dalam Jadual 7 berlaku apabila watak utama filem "*Small Town Heroes*", Zhong Wu memberitahu Guoqing bahawa bukan semua perkara boleh dijelaskan, contohnya nama bahasa Cina bagi pasembor ialah "青鱼" (glos: hijau ikan), tetapi makanan tersebut tidak mempunyai ikan. Untuk menterjemahkan rujukan budaya sumber ini, penterjemah sari kata menggunakan spesifikasi penambahan dan melibatkan penggunaan prosedur terjemahan langsung. "青鱼"(*qingyu*) diterjemahkan secara langsung kepada "*greenfish*" dalam teks sasaran dan nama sebenarnya ditambahkan dalam tanda kurung lengkung supaya penonton sasaran boleh memahami bahawa "青鱼"(*qingyu*) ialah "pasembur", iaitu makanan yang sedang dimakan oleh watak-watak tersebut. Walaupun penonton sasaran mungkin akan keliru dengan nama makanan tersebut, mesej dialog tersebut masih dapat disampaikan, iaitu tiada ikan dalam "hijau ikan" (pasembor) merupakan salah satu contoh bagi perkara yang tidak boleh dijelaskan. Oleh itu, kesan diskaun budaya yang timbul tidak begitu signifikan kerana penonton sasaran masih boleh memahami dialog tersebut dan mengikut jalan cerita filem. Berdasarkan contoh ini, penggunaan spesifikasi penambahan dapat menyampaikan mesej dialog dan pada masa yang sama dapat memperkenalkan makanan Malaysia tersebut walaupun boleh menyebabkan diskaun budaya.

Jadual 7

Contoh Penggunaan Prosedur Terjemahan Spesifikasi Penambahan yang Melibatkan Penambahan Maksud Sebenar Rujukan Budaya Sumber

Bil.	Adegan (Filem)	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	01:07:46-01:07:51 (*Small Town Heroes*)	不是每样东西都可以解释的 好像这个<u>青鱼</u> 里面都没有鱼 做么叫青鱼 [bushi meiyang dongxi dou keyi jieshi de haoxiang zhege <u>qingyu</u> limian dou meiyou yu zuome jiao qingyu] [Glos: Bukan setiap buah hal semua boleh jelaskan punya macam ini <u>hijau ikan</u> dalam pun tiada ikan kenapa panggil hijau ikan]	*Not everything can be explained* *It's like this <u>"greenfish" (pasembur)</u>* *There are no fish in it* *why is it called "greenfish"?*

3.2.4 Eksplisitasi

Berdasarkan Jadual 8, terdapat dua contoh dalam filem "*Snow in Midsummer*" yang menunjukkan penggunaan spesifikasi penambahan yang melibatkan eksplisitasi makna rujukan budaya sumber tersebut. Dalam contoh 1 dan 2, "kad pengenalan biru dan merah" yang disampaikan dengan campuran dialek Hokkien dan bahasa Melayu dalam adegan tersebut diterjemahkan kepada "*blue citizen card*" dan "*red resident card*" . Penambahan perkataan "*citizen*" dan "*resident*" dalam teks sasaran telah mengeksplisitasikan makna warna kad pengenalan Malaysia. Dengan penambahan kedua-dua perkataan tersebut, penonton sasaran dapat memahami bahawa di Malaysia, pemegang kad pengenalan berwarna biru ialah warganegara Malaysia dan pemegang kad pengenalan berwarna merah ialah pemastautin tetap. Jika perkataan "*citizen*" dan "*resident*" tidak ditambahkan, penonton sasaran akan keliru dengan makna warna tersebut. Oleh itu, terjemahan

tersebut dapat mengurangkan diskaun budaya kerana terjemahan tersebut dapat memudahkan pemahaman penonton tentang warna kad pengenalan Malaysia pada masa itu.

Jadual 8

Contoh Penggunaan Prosedur Terjemahan Spesifikasi Penambahan yang Melibatkan Eksplisitasi Makna Rujukan Budaya Sumber

Bil.	Adegan (Filem)	Teks Sumber	Teks Sasaran
1	00:12:57-00:12:59 (*Snow in Midsummer*)	Ada kad pengenalan biru lain kali senang sikit.	*Things are much easier with the blue citizen card.*
2	00:13:01-00:13:02 (*Snow in Midsummer*)	Mana kad pengenalan merah kamu?	*Where's your red resident card?*
3	00:07:06-00:07:07 (Prebet Sapu)	Semua sekali tiga ratus.	*It'll cost you RM300.*

Contoh 3 dalam Jadual 8 pula menunjukkan penambahan "RM" dalam teks sasaran untuk mengeksplisitasikan makna tersirat nombor yang disebutkan, iaitu tiga ratus ringgit Malaysia. Filem tersebut mempunyai banyak adegan yang menyatakan harga atau nilai wang dengan hanya sebutan nombor sahaja. Oleh itu, dalam kebanyakan kes, penterjemah sari kata bahasa Inggeris filem tersebut menggunakan spesifikasi penambahan untuk menambahkan simbol atau singkatan Ringgit Malaysia, "RM", dalam teks sasaran supaya makna nombor yang disebutkan jelas. Walaupun singkatan bagi Ringgit Malaysia tersebut mungkin boleh mengelirukan penonton sasaran apabila muncul kali pertama, diskaun budaya yang timbul tidak begitu signifikan kerana penonton sasaran masih dapat memahami maksud singkatan tersebut, iaitu mata wang Malaysia, melalui konteks dialog dan latar filem tersebut.

Berdasarkan contoh-contoh yang dibincangkan dalam bahagian 3.2, boleh didapati bahawa spesifikasi penambahan boleh digunakan dengan melakukan penjenisan, penghuraian, eksplisitasi, dan penambahan maksud sebenar rujukan budaya. Selain itu, berdasarkan beberapa contoh yang dibincangkan, seperti "新年 (*xinnian*)" (contoh 8 Jadual 5), "佛陀 (*fotuo*)" (contoh 2 Jadual 6), rujukan budaya sumber mungkin akan diterjemahkan melalui penggunaan prosedur terjemahan lain seperti terjemahan langsung dan padanan rasmi, dan tidak dikekalkan dalam teks sasaran walaupun spesifikasi yang melibatkan pengekalan rujukan budaya sumber dalam teks sasaran dimanfaatkan. Berdasarkan contoh-contoh terjemahan rujukan budaya dalam laman sesawang pelancongan Hangzhou yang melibatkan penggunaan spesifikasi penambahan yang ditunjukkan oleh Chen et al. (2023), maklumat tambahan sering diberikan dalam kurungan. Hal ini selaras dengan beberapa contoh yang dibincangkan dalam bahagian 3.2, seperti penambahan huraian, maksud sebenar rujukan budaya dan sebagainya. Contoh-contoh tersebut turut menunjukkan konvensi penggunaan tanda kurungan untuk menambahkan maklumat atau penjelasan rujukan budaya dalam sari kata filem. Walau bagaimanapun, penggunaan spesifikasi penambahan juga perlu mengambil kira faktor ketersediaan ruang untuk maklumat tambahan kerana penggunaan prosedur terjemahan ini mengambil ruang (Pedersen, 2005). Selain itu, menurut Abdelaal (2024), penterjemah juga perlu memastikan maklumat yang ditambahkan tidak membebankan penonton atau mengganggu kelancaran dialog. Hal ini mungkin mengakibatkan diskaun budaya jika penonton sasaran mengalami kesukaran untuk mengikuti dan memahami dialog. Secara keseluruhannya, spesifikasi penambahan boleh digunakan melalui pelbagai cara dan boleh mengurangkan diskaun budaya jika maklumat atau penerangan yang ditambahkan dapat memudahkan pemahaman penonton sasaran terhadap rujukan budaya sumber yang dipersembahkan.

Jadual 9 menunjukkan kekerapan penggunaan spesifikasi untuk menterjemahkan rujukan budaya sumber melalui cara-cara yang dibincangkan di atas dalam enam filem Malaysia yang dikaji. Secara keseluruhannya, spesifikasi penambahan lebih banyak digunakan dengan kekerapan penggunaan sejumlah 55. Antara cara penggunaan yang paling dominan adalah eksplisitasi. Hal ini mungkin disebabkan oleh cara ini banyak digunakan untuk menjelaskan makna nombor yang disebutkan dengan menambahkan singkatan Ringgit Malaysia, terutamanya dalam penterjemahan sari kata filem "Prebet Sapu". Selain itu, cara yang kedua paling kerap digunakan ialah penjenisan yang melibatkan penambahan maklumat berkenaan jenis atau kategori sesuatu rujukan budaya sumber supaya makna rujukan berkenaan lebih jelas dan spesifik. Seterusnya, bagi spesifikasi pelengkapan, cara penggunaan yang paling dominan adalah pelengkapan singkatan, dan gelaran dengan kekerapan penggunaan sejumlah lima. Di samping itu, dapatan yang menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan spesifikasi penambahan lebih tinggi daripada kekerapan penggunaan spesifikasi pelengkapan tidak selaras dengan dapatan kajian Omer dan Aminzadeh (2023) yang menunjukkan tiada penggunaan penambahan dan kekerapan penggunaan spesifikasi pelengkapan ialah empat. El-Farahaty dan Alwazna (2024) juga tidak menemui contoh penggunaan spesifikasi penambahan dalam kedua-dua filem yang dikaji. Seperti yang dinyatakan dalam bahagian 1.3, hal ini mungkin disebabkan oleh penggunaan prosedur terjemahan spesifikasi bergantung pada faktor-faktor seperti ketersediaan ruang, jenis rujukan budaya dalam teks sumber, konteks dialog dan jarak budaya. Selain itu, hal ini mungkin juga disebabkan oleh spesifikasi pelengkapan hanya sesuai digunakan untuk menterjemahkan rujukan budaya yang disampaikan dalam singkatan, akronim, atau bentuk tidak lengkap.

Jadual 9

Kekerapan Penggunaan Prosedur Terjemahan Spesifikasi Melalui Cara yang Berlainan untuk Penterjemahan Rujukan Budaya Sumber dalam Enam Filem yang Dikaji

Cara Penggunaan Prosedur Terjemahan Spesifikasi	Kekerapan Penggunaan
Pelengkapan	
Pelengkapan Singkatan	5
Pelengkapan Singkatan yang Ungkapan Penuhnya Diterjemahkan kepada Bahasa Sasaran	4
Pelengkapan Gelaran	5
Pelengkapan Nama Rasmi	2
Penambahan	
Penjenisan	21
Penghuraian	6
Penambahan Maksud Sebenar	1
Eksplisitasi	27
Jumlah	**71**

4. Kesimpulan

Kajian ini telah melakukan analisis sari kata bahasa Inggeris bagi enam buah filem Malaysia untuk meneliti cara prosedur terjemahan spesifikasi digunakan untuk menterjemahkan rujukan khusus budaya Malaysia yang boleh menyebabkan diskaun budaya jika tidak ditangani dengan baik. Secara keseluruhannya, filem bahasa Melayu dan filem bahasa Cina Malaysia yang dikaji telah menggunakan spesifikasi pelengkapan dan penambahan untuk menterjemahkan rujukan budaya sumber dan terdapat contoh-contoh yang berjaya mengurangkan diskaun budaya. Berdasarkan dapatan kajian, penggunaan spesifikasi pelengkapan melibatkan pelengkapan singkatan, gelaran, dan nama rasmi organisasi, serta pelengkapan singkatan yang ungkapan penuhnya diterjemahkan kepada bahasa sasaran. Spesifikasi penambahan pula diaplikasikan melalui penjenisan dan penghuraian tentang rujukan budaya sumber berkenaan, serta penambahan maksud sebenar rujukan budaya sumber dalam teks sasaran. Penjenisan yang dilakukan menunjukkan bahawa penjenisan merupakan subkategori bagi spesifikasi penambahan yang belum digagaskan oleh Pedersen. Selain itu, spesifikasi penambahan juga digunakan dengan mengeksplisitasikan makna rujukan budaya sumber. Pendek kata, spesifikasi boleh digunakan melalui pelbagai cara untuk menterjemahkan rujukan budaya sumber dan mengurangkan diskaun budaya.

Berdasarkan contoh-contoh yang dibincangkan, spesifikasi pelengkapan didapati sering digunakan untuk menterjemahkan nama tempat, institusi dan organisasi di Malaysia yang disampaikan dalam bentuk singkatan, akronim atau tidak lengkap. Spesifikasi penambahan pula digunakan untuk menterjemahkan pelbagai jenis rujukan budaya sumber termasuk rujukan budaya berkenaan dengan agama, tokoh, upacara tradisi, alat muzik tradisional, makanan dan sebagainya. Jadual 9 juga menunjukkan kekerapan penggunaan spesifikasi penambahan lebih tinggi berbanding spesifikasi pelengkapan. Hal ini mungkin kerana spesifikasi pelengkapan hanya sesuai digunakan untuk menterjemahkan rujukan budaya yang disampaikan dalam akronim, singkatan atau bentuk tidak lengkap. Walau bagaimanapun, kedua-dua jenis spesifikasi tersebut boleh digunakan untuk mengurangkan diskaun budaya. Akan tetapi, jika prosedur terjemahan ini digunakan untuk menambahkan maklumat yang sukar difahami oleh penonton sasaran, seperti penambahan perkataan "*arhat*" yang boleh mengelirukan penonton sasaran yang kekurangan pengetahuan agama Buddha, penggunaan spesifikasi boleh menjadi punca kemunculan diskaun budaya.

Secara tuntasnya, spesifikasi sesuai digunakan untuk memperkenalkan rujukan budaya Malaysia, membentuk representasi budaya dan mengurangkan diskaun budaya jika maklumat atau penerangan yang ditambahkan dapat memudahkan pemahaman penonton sasaran dan tidak menjejaskan jalan cerita filem. Tambahan pula, kajian ini juga menunjukkan bahawa terjemahan memainkan peranan penting dalam mengurangkan diskaun budaya. Jika diskaun budaya dapat dikurangkan, kebolehterimaan filem Malaysia di pasaran antarabangsa akan meningkat dan membolehkan lebih ramai orang mengenali Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan kepelbagaian budaya.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya meneliti penggunaan spesifikasi sebagai prosedur terjemahan untuk mengurangkan diskaun budaya dalam tiga filem bahasa Melayu dan tiga filem bahasa Cina Malaysia. Oleh itu, kajian lanjutan boleh memperluas skop analisis dengan meneliti filem Malaysia bahasa lain seperti bahasa Tamil atau melibatkan lebih banyak filem Malaysia bagi meneroka secara mendalam pendekatan terjemahan yang boleh digunakan untuk mengurangkan diskaun budaya pada tahap tekstual. Tambahan pula, kajian ini hanya menggunakan sari kata bahasa Inggeris sebagai sumber data kajian. Kajian lanjutan boleh menerokai sari kata filem Malaysia dalam bahasa lain yang digunakan untuk tujuan pengantarabangsaan bagi mengenal pasti pendekatan terjemahan yang dimanfaatkan untuk mengurangkan diskaun budaya dan meningkatkan kebolehterimaan filem berkenaan. Selain itu, kajian seterusnya juga

boleh meneroka strategi makro lain yang berpotensi meminimumkan diskaun budaya supaya pengantarabangsaan filem Malaysia dapat dipergiat.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Janji Pictures Production Sdn. Bhd. kerana sudi memberikan capaian dan sari kata filem "*Snow in Midsummer*" untuk tujuan kajian ini. Penghargaan turut dirakamkan kepada pihak penerbit filem "Prebet Sapu", "*Hungry Ghost Diner*" dan "*Small Town Heroes*" kerana sudi memberikan sari kata filem mereka.

Pembiayaan

Kajian telah dilaksanakan dengan sokongan kewangan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) [Kod Geran: FRGS/1/2024/SSI01/USM/02/1].

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Penyataan Sumbangan Penulis CreDiT

Ong Sue Yang: Konseptualisasi; Penyusunan data; Analisis formal; Penulisan – draf asal

Chow Yean Fun: Konseptualisasi; Penyusunan data; Penulisan – semakan & penyuntingan; Penyeliaan

Haslina Haroon: Penulisan – semakan & penyuntingan; Penyeliaan

Ketersediaan Data dan Bahan

Data yang menyokong dapatan kajian ini boleh diperoleh daripada penulis koresponden atas permintaan.

Rujukan

Abdelaal, N. M. N. (2024). Unlocking cultural riches: Navigating cultural terms translation in *'The Treasure'* Egyptian movie. *Cogent Arts & Humanities, 11*(1), 1–16. https://doi.org/10.1080/23311983.2024.2401250

Aixelá, J. F. (1996). Culture-specific items in translation. Dalam R. Álvarez & M. C. -A. Vidal (Eds.), *Translation, power, subversion* (pp. 52–78). Multilingual Matters.

Asakura, K. (2019). Translating cultural references in Japanese animation films: The case of Spirited Away. *Translation Matters, 1*(1), 61–81. https://ojs.letras.up.pt/index.php/tm/article/view/5335

Batmanathan, P. D., Amini, M., & Abbaspour, B. N. (2022). Subtitling strategies and translation accuracy in the Malay to English translation of "Ejen Ali: the Movie." *Journal of Modern Languages, 32*(2), 37–66. https://doi.org/10.22452/jml.vol32no2.3

Božović, P. (2021). Anglophone culture through the Western Balkan lens: A corpus-based study on the strategies used for rendering extralinguistic elements of culture in Montenegrin subtitling. *Círculo de Lingüística Aplicada a la Comunicación*, *85*, 9–19. https://doi.org/10.5209/clac.73536

Chen, S., Mansor, N. S., Chin, M., & Abdullah, M. A. R. (2023). Exploring cultural representation through tourism-related cultural words translation on Hangzhou tourism website. *World Journal of English Language, 13*(2), 168–175. https://doi.org/10.5430/wjel.v13n2p168

Chen, W. (2021). *A corpus-based study of intra- and extralinguistic cultural reference in English subtitling of Chinese films*. [Doctoral dissertation, Tohoku University]. TOUR Tohoku University Repository. https://hdl.handle.net/10097/00133529

Díaz Cintas, J., & Remael, A. (2007). *Audiovisual translation: Subtitling*. St. Jerome Publishing.

Díaz-Cintas, J., & Zhang, J. (2022). Going global against the tide: The translation of Chinese audiovisual productions. *Babel, 68*(1), 1–23. https://doi.org/10.1075/babel.00255.dia

El-Farahaty, H., & Alwazna, R. Y. (2024). Translating cultural references and sensitive elements between Arabic and English: Netflix subtitles as a case study. *SAGE Open, 14*(2), 1–15. https://doi.org/10.1177/21582440241258293

Fărcașiu, M. A. (2024). Bridging cultures through subtitling: A case study of "*Southland*" and Romanian subtitles. *English Studies at NBU, 10*(2), 342–363. https://doi.org/10.33919/esnbu.24.2.8

Fu, W. W. (2012). National audience tastes in Hollywood film genres: Cultural distance and linguistic affinity. *Communication Research, 40*(6), 789–817. https://doi.org/10.1177/0093650212442085

Gao, X., Adnan, H. M., & Wang, C. (2025). Human darkness on screen: Cultural discounts in the reception of Chinese audiences through the South Korean film *Concrete Utopia* (2023). *Humanities, Arts and Social Sciences Studies, 25*(2), 358–368. https://doi.org/10.69598/hasss.25.2.267585

Hoskins, C., & Mirus, R. (1988). Reasons for the US dominance of the international trade in television programmes. *Media, Culture & Society, 10*(4), 499–515. https://doi.org/10.1177/016344388010004006

Julien, H. (2008). Content analysis. Dalam L. M. Given (Ed.), *The SAGE encyclopedia of qualitative research methods* (pp. 120–122). Sage Publications.

Lee, F. L. F. (2006). Cultural discount and cross-culture predictability: Examining the box office performance of American movies in Hong Kong. *Journal of Media Economics, 19*(4), 259–278. https://doi.org/10.1207/s15327736me1904_3

Lee, F. L. F. (2008). Hollywood movies in East Asia: Examining cultural discount and performance predictability at the box office. *Asian Journal of Communication, 18*(2), 117–136. https://doi.org/10.1080/01292980802021855

Lee, S. T. (2022). Film as cultural diplomacy: South Korea's nation branding through *Parasite* (2019). *Place Branding and Public Diplomacy, 18*, 93–104. https://doi.org/10.1057/s41254-020-00192-1

Li, L. (2025). Cultural discount: Breakthrough point of China's TV drama exports to Southeast Asia. *International Review of Humanities Studies, 10*(1), 49–58. https://doi.org/10.7454/irhs.v10i1.1363

Merriam-Webster. (n.d.). Arhat. Dalam *Merriam-Webster.com dictionary*. Dicapai pada 2 Mac, 2026, daripada https://www.merriam-webster.com/dictionary/arhat.

Mohamad Zakuan Tuan Ibharim & Khairul Faiz Alimi. (2024). Subtitling Malay taboo language into English: The case of The Assistant (2022). *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya, 3*(1), 121-143. https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.6

Mudawe, O. M. N. (2024). Translating and subtitling cultural-bound expressions based on Friends series into Arabic. *AWEJ for Translation & Literary Studies, 8*(2), 211–226. http://dx.doi.org/10.24093/awejtls/vol8no2.15%20%20%20

Nedergaard-Larsen, B. (1993). Culture-bound problems in subtitling. *Perspectives, 1*(2), 207–240. https://doi.org/10.1080/0907676X.1993.9961214

Newmark, P. (1988). *A textbook of translation*. Prentice Hall.

Nur Batrisyia Umairah Mohamed & Maizura Mohd Noor. (2024). Subtitling strategies in a Malaysian animated movie. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics, 8*(2), 73-89. https://doi.org/10.24191/ijmal.v8i2.7447

Omer, H. A., & Aminzadeh, S. (2023). Exploring the strategies of translating cultural references in Kurdish subtitling: A case study. *Cihan University-Erbil Journal of Humanities and Social Sciences, 7*(1), 50–57. https://doi.org/10.24086/cuejhss.v7n1y2023.pp50-57

Pedersen, J. (2005). How is culture rendered in subtitles?. Dalam H. Gerzymisch-Arbogast & S. Nauert (Eds.), *Challenges of Multidimensional Translation. Proceedings of the Marie Curie Euroconferences MuTra: Challenges of Multidimensional Translation - Saarbrücken, 2–6 May 2005*, Germany.

Pedersen, J. (2011). *Subtitling norms for television: An exploration focussing on extralinguistic cultural references*. John Benjamins.

Ramière, N. (2010). Are you "lost in translation" (when watching a foreign film)? Towards an alternative approach to judging audiovisual translation. *Australian Journal of French Studies, 47*(1), 100–115. https://doi.org/10.3828/AJFS.47.1.100

Ranzato, I. (2016). *Translating culture specific references on television: The case of dubbing*. Routledge.

Schreier, M. (2012). *Qualitative content analysis in practice*. Sage Publications.

Si, R., & Zhang, C. (2023). How far can French films travel in China? An empirical analysis from the cultural discount perspective. *International Journal of Education and Humanities, 10*(1), 277–287. https://doi.org/10.54097/ijeh.v10i1.11173

Tu, K. Y. (2020). *Translation of humour in the English subtitles of two Malaysian Chinese films*. [Master's thesis, University of Malaya] Universiti Malaya KNOVA - Knowledge Nexus and Open Vision Access. https://knova.um.edu.my/student_works_2020s/186/

Venuti, L. (1998). *The scandals of translation: Towards an ethics of difference*. Routledge.

Vrancken, M., & Delesalle, A. (2023). Translation of culture-specific terms in the English subtitles of the French romantic comedy film *Le Fabuleux Destin d'Amélie Poulain*. *transLogos Translation Studies Journal, 6*(2), 43–66. https://dx.doi.org/10.29228/transLogos.59

Wan Halizawati Wan Mahmood. (2021). Keris Siamang Tunggal: Unveiling Malay artistic culture. *International Journal of Language, Literacy and Translation, 4*(1), 28–44. https://doi.org/10.36777/ijollt2021.4.1.041

Yi, X. (2024). The phenomenon of "cultural discount" and its reasons in the cross-cultural communication of domestic TV dramas–taking The Legend of Zhenhuan as an example. *Communications in Humanities Research, 33*, 250–256. https://doi.org/10.54254/2753-7064/33/20240111

Zhang, Y., & Amirdabbaghian, A. (2025). Translation of Chinese culture-specific items to English in *Romance on the Farm*. *Comparative Linguistics, Translation and Literary Studies, 2*(2), 66–82. https://doi.org/10.70036/cltls.v2i2.66